

WARKAH SEBAGAI MEDIUM DIPLOMATIK KESULTANAN MELAYU DALAM MENJALINKAN HUBUNGAN DENGAN KUASA BARAT

SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD

Universiti Putra Malaysia

salmahjan@upm.edu.my

ABSTRAK

Pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu, warkah dijadikan sebagai medium penting oleh golongan sultan untuk melangsungkan atau mengukuhkan sebuah hubungan diplomatik. Antara warkah yang telah dikirimkan oleh sultan Melayu kepada penguasa Barat adalah seperti Stamford Raffles, Francis Light dan Lord Minto. Lazimnya, kekuatan sepuak warkah terletak kepada isi kandungan dan motif penyampaianya. Oleh itu, perbincangan tulisan ini akan berfokuskan kepada elemen diplomatik yang terdapat dalam warkah yang telah mengangkat warkah sebagai salah satu medium penjalin hubungan dengan pihak penguasa Barat. Hasil dapatan menunjukkan bahawa elemen diplomatik yang dikenal pasti dalam warkah Melayu ialah; adanya kata-kata pengiktirafan, kesantunan berbahasa, dan juga irungan bingkisan hadiah. Sehubungan itu, perbincangan ini diperkuuhkan lagi dengan penggunaan Teori Diplomasi Islam yang diperkenalkan oleh Wang Yong Bao (Ahmed Musa) untuk menganalisis topik kajian.

Kata kunci: warkah; kesultanan; Melayu; diplomatik; Barat

LETTER AS A DIPLOMATIC MEANS OF THE MALAY SULTANATES TO FOSTER AFFILIATION WITH WESTERN GOVERNORS

ABSTRACT

During the Malay Sultanate era, letters were used by the Sultans as fundamental tools to foster or perpetuate any diplomatic affiliations. Among the letters that were sent by the Malay Sultans were to colonial governors such as Stamford Raffles, Francis Light and Lord Minto. The strength or essence of a letter can be seen through the contents and the purpose of the letter being sent. Hence, the main gist of this study is to analyse the valuable diplomatic elements stipulated in the letters which distinguished the letters as one of the means to foster relationships with the Western colonial governors. The findings portrayed the diplomatic features that can be found in the Malay letters such as: using words of recognition, using politeness in wordings expressions and presenting gifts. Theory of Islamic Diplomacy by Wang Yong Bao (Ahmed Musa) will be used as an analytic tool of the research.

Keywords: letter; sultanate; Malay; diplomatic; Western

PENGENALAN

Pada zaman awal perkembangan agama Islam, Nabi Muhammad s.a.w menggunakan warkah sebagai medium utama untuk berhubungan dengan negara luar. Antara warkah kiriman Baginda

ialah warkah kepada Raja Heraclius (Rom), warkah kepada Raja Khosrau II (Persia) dan kepada Gabenor Al-Munzir bin Sāwī (Bahrain). Isi kandungan warkah Baginda pada masa itu lebih berfokuskan kepada bentuk dakwah untuk mengajak orang kafir memeluk agama Islam. Namun setelah 1400 tahun berlalu, warisan tamadun Islam itu terus berkembang, terutama pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu dalam skop isi kandungannya lebih luas dan motif yang pelbagai. Siti Mariani S.M Omar (2001:1) mengatakan bahawa warkah merupakan manuskrip terawal yang dihasilkan oleh masyarakat zaman silam untuk pelbagai tujuan dan kepentingan. Antara motif yang menjadi keutamaan sultan-sultan Melayu pada waktu itu ialah motif diplomatik.

Menurut Mokhtar Muhammad (2005:18), diplomatik merujuk kepada hubungan tersusun antara kerajaan dan merupakan rangka asas kepada perhubungan antara negara dengan menggunakan kebijaksanaan dan budi bicara dalam perhubungan rasmi di antara negara. Manakala Asrar Omar (2003:2) berpendapat bahawa diplomatik ialah perkara yang melibatkan hubungan antarabangsa hubungan yang melampaui sempadan sesebuah negara. Henderson (1998:1) pula mentakrifkan diplomatik sebagai proses pembahagian kuasa di antara negara-negara di peringkat antarabangsa, manakala Holsti (1983: 19) beranggapan bahawa bidang ini merujuk kepada semua bentuk interaksi antara anggota pelbagai masyarakat (negara) sama ada disokong oleh kerajaan ataupun tidak. Oleh itu, dalam batasan kajian ini, dapat dinyatakan di sini, diplomatik ialah hubungan yang melibatkan dua atau lebih kerajaan, yang mempunyai matlamat dan keinginan bersama untuk bersatu dalam memenuhi kelompongan yang ada dalam sesebuah pemerintahan dan pentadbiran kerajaan. Salah satu medium yang digunakan untuk menjayakan diplomatik ialah melalui penggunaan warkah.

Adib Imran (1999:24) mengatakan bahawa warkah merupakan landasan perhubungan antara seteru mahupun sahabat dan sebagai penghubung kerajaan. Oleh itu, makalah ini akan menumpukan perbincangan kepada elemen diplomatik yang terdapat dalam warkah yang dikirimkan oleh sultan Melayu, terutamanya kepada penguasa Barat. Antara penguasa Barat yang sinonim dengan dunia Melayu ialah Stamford Raffles, Francis Light, dan Lord Minto. Beberapa contoh warkah yang telah dikirimkan kepada penguasa Barat ini ialah (i) *Warkah Sultan Syarif Kasim di Pontianak kepada Raffles pada 1811*, (ii) *Surat Tuanku Pengiran Siak kepada Lord Minto, 18 Zulkaedah 1225 bersamaan dengan 15 Disember 1810*, dan (iii) *Surat Yang Dipertuan Kedah kepada Gurnador [F.Light], 14 Jamadilawal*.

Terdapat beberapa pengkaji yang telah melakukan kajian terhadap warkah. Antaranya Mahfuzah Yusuf. Dalam kajian yang telah dilakukan oleh Mahfuzah Yusuf (1994:52), beliau telah mengenal pasti bahawa isi kandungan warkah Melayu mengandungi semua ciri budaya, tamadun, kesenian, cerminan susunan sosial, dan politik masyarakat Melayu yang kompleks. Ia memperlihatkan daripada kedudukan kepala surat dan cap mohor sehingga kepada pilihan sampul sutera kuning yang indah yang ditentukan oleh hubungan darjah penulis dengan penerimaan serta nilai diplomatik yang terdapat dalam warkah tersebut. Dengan kata lain, warkah bukan hanya dijadikan sebagai objek seni yang indah, malahan ia merupakan sumber berharga sejarah politik, diplomasi, dan ekonomi kepulauan Melayu.

Selain itu, La Niampe (1996:93) yang mengkaji *Surat-surat Kerajaan Buton dari Abad XVII-XIX* mengemukakan pendapatnya tentang warkah-warkah tersebut. Beliau mendapati bahawa keindahan tulisan dan kehalusan bahasa dalam warkah kajiannya itu telah mencerminkan martabat dan darjah pengirim. Isi surat raja tersebut juga sangat penting untuk dijadikan sumber primer dalam rangka penelitian sejarah, baik dari segi diplomatik dan politik mahupun ekonomi serta dapat digunakan untuk pengkajian perkembangan bahasa dan ejaan yang digunakan dalam

penulisan naskhah. Di samping itu, surat raja Buton penuh dengan kepelbaagaian aturan sopan-santun, di mana setiap segi dari letak dan pilihan kata, kepala surat dan, cap surat sehingga kepada panjangnya puji-pengiktirafan pembuka surat ditentukan oleh hubungan kedua belah pihak. Manakala Ab. Razak Ab. Karim (2000:2) dalam tulisannya yang bertajuk *Peminggiran Tradisi Silam: Suatu Perbincangan Strategi Komunikasi Masyarakat Melayu Tradisional*, membincangkan isi kandungan warkah yang memainkan peranan penting dalam mengeratkan hubungan diplomatik dengan kerajaan lain kerana menerusinya, penerima akan yakin dengan kesungguhan sesebuah kerajaan untuk menjalinkan hubungan tersebut. Selain itu juga, beliau mengenal pasti bahawa strategi komunikasi berkesan dalam warkah berjaya apabila wujud unsur pengiklanan diri pengirim dan juga penilaian kehandalan atau keupayaan diri penerima warkah.

Walaupun terdapat pengkaji yang mengkaji warkah sebagai bahan kajian, namun warkah-warkah yang mempunyai elemen diplomatik Islam jarang sekali diketengahkan sebagai bahan perbincangan kerana kurangnya kajian yang dilakukan oleh para cendekiawan dan para akademik terhadap bidang ini. Menurut Ab. Razak Ab. Karim (2005: 183), iaitu seorang pengkaji prolifik dalam kajian warkah-warkah Melayu, beliau mengatakan bahawa kajian tentang warkah-warkah Melayu sangat berkurangan dalam kalangan para cendekiawan, walaupun banyak perkara yang dapat diketengahkan untuk tatapan umum. Misalnya aspek budaya, kesenian, dan aspek-aspek lain banyak tergambar dalam warkah-warkah Melayu. Tambah beliau lagi, hal ini disebabkan, kurangnya minat terhadap khazanah bangsa ini sehingga ia dianggap ‘sepi’ oleh sesetengah pihak. Selain itu, Gallop (1994:10) turut menggesa agar kajian terhadap warkah Melayu perlu dilakukan dengan lebih mendalam agar masyarakat memperoleh pemahaman sebenar tentang kehidupan masyarakat silam. Justeru, dengan adanya tulisan ini, akan dapat menambahkan lagi rujukan dan memperbanyakkan lagi hasil kajian yang membincangkan warkah Kesultanan Melayu, terutamanya dalam bidang diplomatik.

METODOLOGI

Seterusnya, dalam memantapkan kajian ini, penulis telah menggunakan kaedah kualitatif yang bertujuan mengumpul data dan maklumat yang dikaji. Terdapat empat tahap telah dirancangkan dalam usaha untuk mengetengahkan kajian ini. Tahap tersebut terbahagi kepada tahap memilih data, pengumpulan data, penganalisisan data, dan rumusan. Pada tahap memilih data, perkara yang dititikberatkan ialah pemilihan warkah yang bersifat diplomatik, khususnya warkah yang diutus oleh sultan Melayu kepada penguasa Barat. Tahap ini penting, bagi mendapatkan gambaran dan memperoleh idea keseluruhan perbincangan dan memilih warkah yang bertepatan dengan konteks kajian. Selanjutnya, pada tahap pengumpulan data, akan dilakukan penelitian terhadap warkah pilihan yang bersesuaian dengan objektif kajian yang telah dikenalpasti. Setiap pembacaan terhadap kandungan warkah akan diteliti dan dicatat, terutamanya maklumat yang membincangkan topik kajian. Sementara itu, pada tahap penganalisisan data, perkara yang ditumpukan ialah berkenaan maklumat yang diperoleh daripada tahap kedua dan akan digunakan sebagai bahan perbincangan bagi menjawab persoalan kajian dan seterusnya membincangkan dapatan kajian. Hasil daripada analisis data tersebut, satu rumusan dapatan akan dilakukan untuk menghuraikan warkah kerajaan Melayu sebagai suatu daya penarik terjalannya hubungan diplomatik dengan penguasa Barat.

Sehubungan dengan itu, Teori Diplomasi Islam yang diperkenalkan oleh Wang Yong Bao (Ahmed Musa) digunakan sebagai teori utama dalam kajian ini. Teori Diplomasi Islam tercipta

adalah kesan daripada penyelidikan dan penelitian Wang Yong Bao (Ahmed Musa) terhadap amalan dan corak diplomasi yang diaplikasikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat Baginda. Antara ciri penting dalam teori ini ialah (a) mengirim surat, (b) memberikan hadiah, (c) menguasai bahasa asing, dan (d) menggunakan kod rahsia. Dalam kajian ini, dua ciri dalam teori ini, iaitu mengirim surat dan memberikan hadiah akan dibincangkan. Kedua-dua ciri ini sangat relevan digunakan untuk mengkaji warkah dalam mengetengahkan aspek diplomatik. Tambahan pula, menurut Wang Yong Bao (Ahmed Musa) (2009:5), ciri ini menjurus kepada kaedah pengaplikasian pembentukan hubungan diplomatik dan menunjukkan kemahiran serta kebijaksanaan orang Islam dalam membentuk sesuatu hubungan diplomatik berdasarkan kiriman surat dan iringan hadiah melalui surat tersebut.

Menurut Wang Yong Bao (Ahmed Musa) (2009:53), tatacara yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. semasa Baginda mengutus surat kepada kerajaan luar, antaranya:

- i. Surat diplomatik tersebut dimulai dengan nama Allah
- ii. Menyatakan nama penghantar dan jawatannya
- iii. Menggunakan kata panggilan hormat kepada penerima
- iv. Memberikan salam
- v. Menyampaikan mesej Islam dengan menggunakan ayat al-Qur'an seperti:
“Tiada Tuhan selain Allah dan Nabi Muhammd s.a.w. itu pesuruh Allah.”
- vi. Mengandungi mesej yang jelas dan lengkap
- vii. Mengucap surat dengan menggunakan setem khas.

Sebahagian tatacara ini telah diimplementasikan dalam warkah Melayu, namun yang berbeza ialah motif penulisan atau pengisian kandungan warkah sahaja; khususnya aspek diplomatik. Justeru, pemilihan Teori Diplomasi Islam untuk menganalisis data kajian adalah bersesuaian. Selain itu dalam tulisan ini, penulis akan membincangkan beberapa perkara sahaja berdasarkan senarai di atas dengan menumpukan elemen diplomatik Islam yang ketara dalam warkah kesultanan Melayu. Tulisan Ahmat Adam (2009) dan Gallop (1994) akan difokuskan dalam perbincangan ini dengan mengambil beberapa contoh warkah yang bersesuaian dengan topik perbincangan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Terdapat beberapa elemen yang dikenal pasti telah mengangkat warkah sebagai medium diplomatik dalam menjalinkan hubungan kerajaan Melayu dengan penguasa Barat. Elemen tersebut ialah:

- i. kata pengiktirafan sebagai pemula bicara
- ii. kesantunan berbahasa
- iii. iringan bingkisan hadiah

Kata Pengiktirafan Sebagai Pemula Bicara

Kata pengiktirafan sebagai pemula bicara merupakan pilihan pertama sultan Melayu dalam menarik perhatian penguasa Barat. Tujuan kata pengiktirafan ini adalah untuk mengangkat martabat penerima sama ada sebagai pemerintah yang berjaya, berpengaruh atau mempunyai etika dan moral yang baik. Lazimnya, manusia amat suka dengan ungkapan tersebut. Dengan pengiktirafan tersebut, seseorang individu merasakan dirinya dihargai. Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2011: 216) mengatakan bahawa pemberian pengiktirafan kepada seseorang

individu itu akan melahirkan perasaan gembira pada dirinya dan secara tidak langsung mereka akan memberi tindak balas yang baik sama ada dari segi perlakuan maupun pertuturan kepada individu yang mengiktiraf kejayaannya. Selain itu, Shaharuddin Abd Aziz (2006:205) mengatakan bahawa kata-kata pengiktirafan akan memberikan motivasi yang tinggi kepada seseorang individu. Lazimnya, kata-kata pengiktirafan yang terdapat dalam warkah adalah seperti berikut: maha hebat, maha mulia, adil, berkuasa, bijaksana dan saksama. Dalam Islam, perkataan pengiktirafan ini hanya milik Allah s.w.t. Namun, dalam hal ini, perkataan seperti ini diketengahkan hanyalah semata kata pengiktirafan sesama manusia yang sama taraf, iaitu sultan dan penguasa Barat. Kata-kata ini ditujukan kepada penguasa Barat adalah disebabkan mereka mempunyai kemahiran dalam mengatur strategi perluasan kuasa atau empayar dan peribadi diri yang boleh dijadikan sebagai motivasi kepada sultan Melayu.

Menurut Ab. Razak Ab. Karim (2002:172) perkataan ‘maha’ digunakan untuk menunjukkan bahawa seseorang itu memiliki sifat yang tidak ada tolok bandingnya pada waktu itu, dan beliau mengkategorikan perkataan ‘yang maha mulia’ ini sebagai kaedah perbandingan. Kaedah perbandingan digunakan untuk menunjukkan kelebihan penerima warkah itu. Sementara itu, Asmah Omar (1982:61) menyatakan bahawa kata ‘maha’ yang digunakan sebelum kata sifat atau adjektif berfungsi sebagai penanda darjah kepalingan dan membawa maksud ‘agung,’ ‘besar’ atau ‘tinggi.’ Frasa ‘yang maha mulia’ itu sangat bersesuaian kepada penerima yang telah menguasai beberapa kerajaan.

Dalam hal ini, penulis akan memperturunkan beberapa pucuk warkah yang menggunakan kata-kata pengiktirafan kepada penguasa Barat. Antaranya:

Surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto, 7 Jamadilawal 1226 (30 Mei 1811):

“...maka barang disampaikan Tuhan seru alam kiranya kepada sahabat kita Tuan Besar Paduka Seri Maharaja Gilbert Eliot Lord Minto Yang Dipertuan Besar yang maha mulia Gurnur Jeneral Raja segala daerah negeri Benggala dan Hindistan dan Keling dan Surat dan Guzerat dan Mahalangka dan pada sekalian tanah Turkestan negeri yang besar2 yang ada takluk di bawah bendera raja2 maha besar negeri Inggris yang **maha mulia** yang semayam di atas tahta singgasana kerajaan negeri Benggala, yang telah beroleh daripada **pangkat yang kebesaran dan kemuliaan** lagi kepengiktirafan pada tiap2 buldan timur dan barat serta melimpahkan **hukum yang keadilan** lagi kemurahan dengan lemah lembut....”

(Gallop, 1994:218)

Selain contoh warkah di atas, terdapat contoh warkah lain yang telah dikirimkan oleh kerabat sultan Melayu. Sebagai contoh, surat Raja Muda Perlis kepada Gurnador [F.Light]:

“...daripada beta Raja Muda yang memerintah negeri Perlis Bandar Kota Indra Kayangan amri sampai kepada sahabat beta, iaitu Gurnador yang memerintahkan Bandar Pulau Pinang yang amat budiman pada jalan berkasih-kasihan dengan segala handai dan taulan; lagi **setiawan dan dermawan** pada segala fakir miskin, hina dina dan **sangat bijaksana** pada segala pekerjaan di laut dan di darat; dan **tolong menolong** segala anak dangang santri tiada diberi kesakitan”.

(Gallop, 1994:199)

Warkah Yang Di Pertuan Muda Riau kepada Raffles:

“...ialah yang beroleh kebesaran dan kemuliaan daripada Tuhan sarwa sekalian alam serta pula **pandai** melakukan **arif bijaksananya** pada segala sahabat handai taulannya istimewa pula pada lagi dangan segala dagang dan miskin serta....”

(Ahmat Adam, 2009: 115)

Warkah-warkah di atas, memperlihatkan kata-kata pengiktirafan yang berfokuskan kepada kejayaan penguasa Barat dalam mengendalikan pemerintahan dan juga kepada moral diri. Kebitaraan sultan Melayu yang melantik juru tulisnya yang bijak pandai telah berjaya menzahirkan kata pengiktirafan yang kaya dengan keestetikaan, di samping susunan ayat yang teratur dan sarat dengan kelembutan yang memperlihatkan jiwa dan jati diri Melayu asli. Menurut Asma Abdullah (2009:24) orang Melayu terkenal dengan sifat kolektivistiknya, iaitu menekankan keperluan untuk menjaga perhubungan harmoni dalam persekitaran sosial. Sementara itu, Norazlina Mohd Kiram (2007:183) menyatakan bahawa sifat ini menjadi lambang jati diri bangsa Melayu yang merangkumkan nilai keintelektualan, kesopanan, dan kelembutan budaya Timur sebagai satu cara hidup. Oleh itu, kata pengiktirafan ini merupakan kata-kata yang dapat merangsang dan mampu menciptakan suasana kemesraan, keselesaan, keakraban, dan muhibah antara dua bangsa yang membawa kepada pembinaan perhubungan diplomatik yang harmoni.

Selain itu juga, sebagai seorang yang mempunyai kuasa tertinggi dalam pentadbiran dan menjadi contoh kepada rakyatnya, telah menyedarkan pemerintah Barat bahawa setiap kata pengiktirafan yang dizahirkan kepada mereka merupakan suatu perbuatan yang tulus ikhlas dan suatu doa kepada mereka. Mereka juga percaya bahawa kata pengiktirafan itu akan menambahkan rahmat kepada mereka. Hal inilah yang memberikan kesan kepada jiwa penguasa Barat. Menurut Abd Jalil Borhan (2002:72), situasi tersebut wujud disebabkan kedaulatan seorang sultan dan kedaulatan itu yang menjadikan seorang sultan Melayu berwibawa.

Kesan daripada penggunaan kata-kata pengiktirafan ini, terdapat juga warkah balasan daripada penguasa Barat kepada sultan Melayu yang telah mengaplikasikan kata-kata pengiktirafan ini kepada sultan Melayu. Dalam hal ini, kata-kata pengiktirafan yang menjadi amalan atau elemen diplomatik dalam warkah Melayu menjadi ikutan para penguasa Barat kerana ayat-ayat yang digunakan sangat gramatis, nada hormat dan menyenangkan hati penerima semasa membaca warkah tersebut. Bukti, surat R.de Klerk di Batavia kepada Sultan Muhammad Bahauddin dari Palembang, pada tarikh 7 Mei 1779 Masihi:

“...Bahawa Gurnador Jenderal Reynier de Klerk dan sekalian Raden van India berkirim ini surat ikhlas sahabat-bersahabat dan berkasih2an kepada sahabat handai taulannya Paduka Seri Sultan Ratu Muhammad Bahauddin, raja atas kerajaan Palembang, dipohonkan atasnya sihat dan afiat serta daulat dan segala berkat yang boleh membahagiakan para sendirinya....”

(Gallop, 1994:199)

Kata-kata pengiktirafan yang digunakan dalam warkah merupakan perihal menghargai penerima warkah. Selain itu, perkara ini juga bersifat konstruktif dan ikhlas dalam usaha pemerintah kerajaan Melayu menjalankan dan mengekalkan hubungan diplomatik dengan penguasa Barat dan hal ini mempunyai kaitan dengan tatacara pengiriman warkah yang digunakan dalam Teori Diplomasi Islam.

Kesantunan Berbahasa

Cerminan keperibadian yang sinonim dalam masyarakat Melayu ialah kesantunan dalam berbahasa. Menurut Valentijn (1884:53), orang Melayu itu sangat cantik, sangat pintar dan manusia yang sangat sopan di seluruh Asia. Juga sangat baik, sopan santun, lebih pembersih dalam cara hidupnya dan pada umumnya begitu rupawan sehingga tidak ada manusia lain yang boleh dibandingkan dengan mereka. Pendapat Valentijn ini menggambarkan bahawa masyarakat

Melayu itu kaya dengan kesopanan. Keadaan tersebut disebabkan oleh bangsa Melayu yang sememangnya memiliki peribadi yang istimewa selain daripada terkenal dengan ciri ketimuran seperti lemah-lembut, beradab dan berbudi bahasa. Menurut Hashim Musa (2008 : 114-115) sifat santun dan kesantunan boleh didefinisikan sebagai halus budi bahasa dan pekerti dalam kelakuan berinteraksi dan berkomunikasi supaya terhindar daripada konflik dan persengketaan dengan pendengarnya dan sentiasa menjaga air muka mereka. Dalam pengertian orang Melayu, kesantunan seharusnya dikaitkan dengan tiga komponen keperibadian atau sahsiah seseorang manusia, iaitu perangai, tutur kata dan hati budinya.

Selain itu, kesantunan berbahasa menurut Awang Sariyan (2007:1) ialah penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicara. Sementara itu, Thomas (1996:158) berpendapat bahawa kesantunan berbahasa didefinisikan sebagai strategi yang digunakan oleh penutur terhadap pendengar dalam usaha mencapai pelbagai matlamat, seperti memelihara perhubungan yang harmonis. Dengan demikian, kesantunan berbahasa dapat dijadikan sebagai aset pencetus kepada pembinaan sesebuah hubungan persaudaraan dan sebagainya. Hal ini kerana, seseorang yang menjaga kesantunan semasa berbahasa akan berjaya menakluki hati orang lain, apatah lagi sekiranya ia diiringi dengan lakuhan yang baik.

Antara kesantunan berbahasa yang digunakan dalam warkah oleh sultan Melayu ialah kata sapaan atau panggilan. Awang Sariyan (2007:36), menyatakan bahawa kata sapaan bermaksud kaedah yang digunakan oleh sesebuah masyarakat atau bangsa untuk menegur atau menyapa seseorang, baik dalam konteks yang rasmi mahupun yang tidak rasmi. Bentuk sapaan menjadi unsur wacana yang penting dalam pelbagai komunikasi manusia dan perlu digunakan dengan tepat menurut sistem yang diterima oleh masyarakat atau oleh pihak yang diberi wibawa menentukannya. Hal ini untuk memastikan sesuatu urusan dan majlis berlangsung dengan teratur dan rapi di samping memelihara satu sistem kesantunan yang berada dalam sistem kemasyarakatan.

Seterusnya, menurut Amat Juhari Moain (1989:64) terdapat beberapa kata sapaan dan panggilan oleh rakyat dan orang besar kepada raja atau pemerintah seperti perkataan Tuanku yang merupakan kata yang paling lumrah digunakan. Selain daripada perkataan Tuanku, terdapat kata sapaan lain yang turut digunakan seperti Tuanku Syah Alam, Syah Alam, di-Pertuan, YamTuan, dan ada juga sapaan yang diberi rujukan kehormat Duli seperti Duli Tuanku,’ dan Duli Yang di-Pertuan serta ada juga rujukan kehormat Paduka seperti Paduka Shah Alam, dan Paduka Kekanda Duli Yang di-Pertuan. Dengan adanya kata sapaan atau gelaran tanda hormat ini, akan membantu rakyat atau pembesar berhadapan dengan pemerintah kerajaan dan memulakan bicara dengan bersopan dan berprotokol. Dalam Teori diplomasi Islam, kata panggilan hormat kepada penerima adalah ciri yang penting dalam penulisan warkah dan perlu ditekankan. Rasulullah s.a.w. telah menggunakan kata sapaan seperti ‘kamu’ dan ‘pengikut petunjuk’ dalam surat Baginda yang ditujukan kepada pemerintah Oman, iaitu Jaifar dan Abdun (Johari Yaman, 2014:474).

Seterusnya, kata panggilan sebagai tanda hormat yang dikenal pasti dalam warkah kesultanan Melayu yang dikirimkan kepada penguasa Barat ialah kata panggilan:

i. Sahabat

Surat Sultan Ibrahim dari Selangor kepada Gubernur [F. Light], Isnin 6 Jamadilakhir 1200 (6 April 1786):

“Bahawa ini warkat al-ikhlas yang terbit daripada hati putih lagi jernih iaitu daripada hadrat Maulana Sultan Ibrahim Raja yang memerintah di dalam negeri Selangor Darulkhusus barang disampaikan Tuhan seru sekalian alam kepada **sahabat** kita Gubernadur Mister Light...”

(Gallop, 1994:202)

ii. Seri Paduka

Warkah terakhir Sultan Mahmud Syah kepada Raffles:

“Maka barang disampaikan Tuhan sarwa alam sekalian apalah kiranya datang ke hadapan manjelis sahabat beta iaitu **Seri Paduka** Thomas Raffles Esquire....”

(Ahmat Adam, 2009:125)

iii. Senyur Gurnador (Tuan/Encik Gabenor)

Surat Sultan Mahmud dari Johor dan Pahang kepada Senyur Gurnador [F. Light], 29 Muharam 1202 (10 November 1787):

“...**Senyur Gurnador** yang memerintahkan di dalam Pulau Pinang yang mahsyur kekayaannya dan kebesarannya....”

(Gallop, 1994:202)

Kata sapaan di atas menunjukkan rasa dan tanda hormat sultan Melayu kepada penguasa Barat. Sultan ialah contoh terbaik kepada rakyatnya dan simbol jati diri kepada orang Melayu. Setiap tinta yang dikarang adalah cerminan diri baginda. Menurut T.A. Ridwan (2001 :271) panggilan-panggilan seperti itu akan dapat membina kehidupan yang penuh dengan kasih sayang dan keakraban, malahan hal ini akan menghindarkan rasa benci dan permusuhan. Firman Allah yang bermaksud:

“ ...dan janganlah kamu panggil memanggil dengan gelar-gelar yang buruk. Seburuk buruk panggilan ialah panggilan yang buruk sesudah beriman.”

(*al-Hujuraat*: 11)

Oleh itu, penggunaan kata sapaan dalam kesantunan berbahasa perlu disesuaikan dengan keadaan dan pangkat penerima warkah agar hubungan diplomatik yang ingin dijalankan antara kedua pihak tidak mewujudkan kesalahfahaman yang membawa kepada kerosakan hubungan. Hal ini selari dengan pendapat yang diutarakan oleh Amat Juhari (2001:286) yang mengatakan bahawa penggunaan bahasa perlu disesuaikan dengan keadaan, suasana serta golongan, dan peringkat yang berbeza. Sementara itu, Kramsch (1998:26) pula menegaskan tentang individu yang perlu memahami sebab ia berkata-kata, apa yang dikatakan, bagaimana mengatakannya, kepada siapa ia berkata dan semua ini bergantung kepada konteks pertuturan tersebut. Hal ini memerlukan pengetahuan tentang penggunaan bahasa yang betul dan dapat dinyatakan di sini, sultan Melayu sememangnya memiliki pengetahuan tersebut apabila berjaya mengaplikasikannya dalam warkah.

Selain kata sapaan, penggunaan bahasa persis juga digunakan oleh sultan Melayu dalam warkah. Bahasa persis ialah bahasa yang mengungkapkan isi dengan betul dan tersusun serta menyampaikan makna tanpa mengelirukan (Nik Safiah Karim, 1994:196). Perkara ini adalah selari dengan ciri Teori Diplomasi Islam dalam tatacara pengiriman surat, yang menekankan sesebuah warkah itu mesti mengandungi mesej yang jelas dan lengkap. Dengan ungkapan isi yang betul dan tersusun serta penyampaian mesej yang jelas akan dapat membantu penerima mengetahui niat sebenar pengirim terhadapnya. Misalnya, warkah yang dikirim oleh Sultan Mansur dari Terengganu kepada Gurnador [F.Light] pada 10 Jamadilakhir 1206 bersamaan dengan 4 Februari 1792. Isi warkah tersebut ialah:

“Syahadan maka daripada hal anak kita janganlah diubahkan barang sesuatu pekerjaan bagaimana pada zaman saudagar. Demikianlah anak kita kerjakan serta tolong-menolong antara kedua pihak pada barang sesuatu hajat maksud serta bersuruh-suruhan tiada berkeputusan kerana Terengganu dan Pulau Pinang menjadi satu.”

(Gallop, 1994:204)

Terdapat satu lagi contoh warkah yang menggunakan bahasa persis, iaitu warkah Sayid Muhammad Zain al-Kudsi kepada Raffles yang berbunyi:

“...maka adalah kita melayangkan secarik nabzah ini hal keadaannya tiadalah sepertinya akan ganti perhubungan kalam antara kita dengan sahabat kita....”

Warkah di atas dengan jelas menyatakan agar perhubungan yang wujud antara kerajaan Terengganu dan Lingga dengan penguasa British akan terus berkekalan dan saling bantu membantu dalam apa jua keadaan. Selain itu, mesej yang disampaikan adalah secara terangan dan tidak tersirat serta tidak mengelirukan penerima warkah. Hal ini penting, agar penerima warkah mengetahui hajat atau niat pengirim warkah. Menurut Razali Tumirin dalam blognya (<http://razalitumirin-zali.blogspot.com/2009/03/cross-cultural-management.html> (Tarikh capaian: 11 Februari 2015), gaya interaksi orang Barat ialah secara terus terang. Dengan demikian, perbezaan sosiobudaya ini terutamanya dalam ungkapan bahasa berlapik perlu dielakkan agar tidak menimbulkan kekeliruan dan ia sememangnya tidak sesuai digunakan semasa berinteraksi secara tulisan dengan penguasa Barat.

Kesantunan berbahasa dari aspek penggunaan kata sapaan dan bahasa persis bukan sahaja menjadi salah satu tunjang kekuatan kepada masyarakat Melayu untuk menarik perhatian penerima warkah dalam menjalinkan hubungan diplomatik malahan ia juga turut memperlihatkan orang Melayu tahu menjaga tatasusila tidak kira sama ada secara bersemuka mahupun melalui titipan warkah. Menurut Hashim Musa (2008:115), tatasusila terdiri daripada elemen seperti merendah diri, tidak sompong, dan takbur, benar, belas kasihan, hati suci, cintakan kedamaian, berhemah tinggi, saling menghormati, bekerjasama, bersyukur atau berterima kasih, mengenang budi, dan bersemangat kemasyarakatan. Dengan adanya sifat tersebut dalam masyarakat Melayu telah membantu membina kerukunan dan keharmonian hubungan. Sekali lagi dinyatakan di sini, bahawa kesantunan berbahasa yang telah dibincangkan sangat sesuai dengan tatacara mengirim surat dalam ciri teori diplomasi Islam, yang mana ia menekankan kata panggilan hormat kepada penerima warkah dan mengandungi mesej yang jelas dan lengkap.

Bingkisan Hadiah

Tanpa kiriman hadiah, pengirim warkah merasa tidak lengkap untuk menyempurnakan adat istiadat mengutus warkah kepada pihak penerima warkah. Menurut Gallop(1994:78), pada kebiasaannya setelah tamat perkara utama dalam sebuah surat itu, kebanyakan warkah diraja Melayu akan menjelaskan secara khusus hadiah yang dikirim bersama surat. Pemberian hadiah ini merupakan antara strategi diplomatik yang memperlihatkan sumber kewangan atau ekonomi kerajaan Melayu yang sangat kukuh pada waktu itu. Hal ini kerana, hadiah diplomatik yang diberikan kepada kerajaan luar merupakan hadiah yang sangat bernilai, berkualiti, dan mahal harganya dan kadang kala terdapat juga hadiah yang tidak dapat dinilai dari sudut harga

Pada zaman kesultanan Melayu, pemberian hadiah ialah salah satu ciri yang menonjol dalam budaya Melayu. Setiap kunjungan atau warkah yang diutus sudah pasti akan diiringi dengan hadiah yang beraneka ragam. Setiap pemberian hadiah yang beraneka ragam tersebut

sebenarnya mempunyai maksud yang tertentu. Terdapat kerajaan yang memberikan hadiah tersebut atas dasar kepentingan politik, ekonomi, dan sosial. Dalam kajian ini, perbincangan akan tertumpu kepada dua jenis hadiah sahaja, iaitu hadiah berupa senjata dan haiwan. ialah:

Dalam *Salinan Surat Raja Kedah kepada Lord Minto yang bertarikh 26 Zulkaedah 1225 (23 December 1810)* menyatakan bahawa Paduka Seri Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah ibn al-marhum Paduka Seri Sultan Abdullah Mukaram Syah (sultan Kedah) telah mengirim hadiah atau bingkisan yang berupa senjata tradisional Melayu seperti badik dan tombak, di samping sepasang sampak emas pakaian orang Melayu kepada Tuan Lord Minto yang pada masa itu mentadbir kerajaan negeri Benggala Darul Makmur.

Maka tiadalah sesuatu hadiah beta kepada sahabat beta yang patut jadi permainan mata, hanyalah badik berterapang sebilah dan tombak sepasang sampak emas pakaian orang Melayu, tiadalah dengan sepertinya seumpama sekuntum bunga adanya akan jadi barang gunanya, maka jangan kiranya diaibkan.

(Gallop, 1994:211)

Peranan senjata sangat penting dalam kehidupan manusia. Selain digunakan sebagai alat berperang atau mempertahankan diri serta mempunyai hiasan yang menarik, ia juga dikaitkan dengan unsur alam ghaib. Sebahagian masyarakat Melayu mempercayai sesuatu senjata itu mempunyai kuasa dalaman yang dapat membantu mempertingkatkan ilmu kebatinan kepada si pemiliknya (<http://malaysiana.pnm.my>, muat turun, 11 Februari 2015). Oleh itu, simbol kepada pemberian hadiah senjata tradisional Melayu seperti badik dan tombak oleh Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah kepada Lord Minto adalah bersifat politik khususnya dalam aspek pertahanan. Pertahanan ialah perihal mempertahankan, membela, menjaga keamanan dan, keselamatan. Ia juga merujuk kepada persediaan kelengkapan, persenjataan dan ketenteraan untuk mengekalkan kedaulatan negara daripada ancaman dari dalam dan luar negeri (Adibah Sulaiman, et.al, :91-92). Dalam masyarakat Melayu dahulu, badik dan tombak merupakan antara alat senjata yang digunakan untuk menempur musuh yang berniat mengganggu ketenteraman dan mencabar kedaulatan negara.

Selain itu, hadiah berupa senjata, iaitu tombak juga telah dinyatakan dalam *warkah Sayid Muhammad Zain al-Kudsi kepada Raffles, 10 Zulhijjah 1225 Sanah*. Buktinya:

“...kiriman kita kepada sahabat kita: tombak dua batang....”

(Ahmat Adam, 2009:129)

Seterusnya, pemberian hadiah berupa haiwan yang jinak dapat dilihat melalui *Surat Sultan Bima kepada Baron van der Capellen*, bertarikh 1 Safar 1239, bersamaan dengan 7 Oktober 1823. Paduka Seri Sultan Ismail Raja Bima telah menghadiahkan beberapa ekor haiwan kepada Baron van der Capellen. Hadiah tersebut merupakan dua pasang kuda yang berwarna merah, sepasang kuda kembang (kuda renggong) di samping hadiah lain seperti yang dinyatakan dalam petikan di bawah:

Syahadan adalah Paduka Sultan dengan sekalian menteri akan mengzahirkan tanda tulus ikhlas beserta percintaan yang tiada berkeputusan, iaitu dua pasang kudah merah dan sepasang kudah kembang dua r-y-n dan satu bungkus lilin yang tiada dangan sepertinya.

(Gallop, 1994:224)

Kuda membawa makna kepada kebebasan, ketangkasan dan kekuatan manakala lilin merupakan simbol kepada hubungan keharmonian. Kedua-dua hadiah ini bermotifkan politik. Pemberian hadiah di atas merupakan balasan hadiah daripada Paduka Seri Bima kepada pihak Belanda yang telah memberikan hadiah bernilai seperti:

Dan lagi tersebut di dalam maktub itu sebab Paduka Yang Maha Mulia adah menerima iaitu satu peti barang2 kaca dan satu jam emas dan sepotong kain s-h-l-t-y [?sakhalat] dan sepotong kain emas dan tiga pikul kutai dan satu peti angur asam dan satu keranjang air Wolanda, maka iaitu adalah Paduka Sultan telah menarima dangan beberapa kesukaan dan keridaan yang tiada diumpamakan serta mempersesembahkan terima kasih begitu banyak adanya.

(Gallop, 1994:224)

Hubungan diplomatik yang terbina di atas bukan sahaja menggerakkan hubungan dan menimbulkan perasaan dihormati serta dihargai, malahan ia akan mewujudkan persefahaman di masa hadapan tentang pelbagai isu seperti hal yang menyentuh tentang politik, dan ekonomi. Pendek kata, jalinan hubungan tersebut akan dapat membantu memelihara hubungan masyarakat kedua-dua kerajaan untuk kepentingan dan faedah bersama. Pemberian dan balasan hadiah yang dilakukan oleh Sultan Kedah dan Sultan Bima ini bertepatan dengan sabda Rasulullah s.a.w.:

“Hendaknya kalian saling memberi hadiah, nescaya kalian akan saling mencintai.”

(HR. Al Bukhari dalam Adabul Mufrad, lihat Shahihul Jami’ [3004] dan Al Irwa’ [1601]).

“Penuhilah undangan, jangan menolak hadiah, dan janganlah menganiaya kaum muslimin.”

(HR. Ahmad, Ibnu Abi Syaibah, Al Bukhari dalam Adabul Mufrad dan Shahihul Jami’ Ash Shaghir.”

Secara jelasnya, bingkisan hadiah yang dikirimkan seperti di atas, oleh pemerintah kerajaan Melayu kepada penguasa Barat sememangnya mempunyai kaitan dengan diplomatik. Namun, terdapat maksud tersirat di sebaliknya, iaitu salah satu daya usaha sultan Melayu untuk menjaga kedaulatan kerajaan serta keamanan dan kesejahteraan rakyat di samping mencerminkan status ekonomi sultan Melayu.

KESIMPULAN

Kebitaraan masyarakat Melayu terserah apabila menjadikan warkah sebagai interaksi secara tulisan yang utama dalam membina serta mengukuhkan hubungan diplomatik dengan penguasa Barat. Melalui medium ini, kerajaan Melayu berjaya mengembangkan hubungan merentasi sempadan. Dalam fungsinya yang dapat menjalinkan hubungan diplomatik, tidak mustahil sekiranya masyarakat Melayu sangat menitikberatkan pengisian dalaman warkah yang hendak diutus. Warkah yang dibawa oleh seorang utusan merupakan simbol keperibadian dan seterusnya mewakili imej diri raja dan rakyat Melayu.

Sehubungan itu, dengan cara memberikan kata pengiktirafan dan mengutamakan kesantunan berbahasa serta iringan bingkisan hadiah bersama warkah bukan sahaja dapat mencerminkan identiti sultan Melayu selaku pengirim warkah malahan ia dapat mewujudkan suatu perasaan dihormati dan dihargai daripada diri pihak penerima dan hal ini akhirnya akan menimbulkan suatu suasana kemesraan dan tanggapan positif kepada sultan, khasnya dan masyarakat Melayu, amnya. Justeru, ia akan dapat meneguhkan hubungan sama ada dari sudut diplomatik atau daripada aspek hubungan interpersonal antara sultan Melayu dengan pihak penguasa Barat.

RUJUKAN

- Ab. Razak Ab. Karim. 2000. *Peminggiran tradisi silam: Suatu perbincangan strategi komunikasi masyarakat Melayu tradisional*. Kertas kerja, Musyawarah Nasional II dan Simposium Antarabangsa IV. Hotel Sahid, Pekan Baru, Riau, 18-20 Julai.
- Ab. Razak Ab. Karim. 2002. *Aspek penggunaan bahasa dalam warkah-warkah Melayu: Satu kajian*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ab. Razak Ab. Karim. 2005. Warkah-warkah Kesultanan Melayu Lama koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Analisis komponen dan binaan warkah. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 183-201.
- Abd Jalil Borhan. 2002. *Pentadbiran undang-undang Islam negeri Johor*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Adib Imran. 1999. Warkah lama pengungkap peradaban bangsa. *Dewan Budaya*, September: 24-25.
- Adibah Sulaiman, Siti Nor Baya Mat Yaacob, Noor Sham Abdul Hamit & Mohd Fauzi Naim Keri. 2006. *Sejarah kertas teks & rujukan lengkap*. Shah Alam: Arah Pendidikan.
- Ahmat Adam. 2009. *The Raffles collection of Malay letters (1780-1824): A descriptive account with notes and translation*. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Ainon Mohd & Abdullah Hasan. 2011. *11 Teori dan prinsip motivasi di tempat kerja*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Amat Juhari Moain. 1989. *Sistem panggilan dalam bahasa Melayu: Suatu analisis sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asma Abdullah. 2009. *Ke arah global: Dimensi budaya dalam pengurusan Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Asmah Omar. 1982. *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Kedua.
- Asrar Omar. 2003. Apa itu hubungan luar? Dlm. Zulhilmi Paidi & Asrar Omar (Pnyt.), *Hubungan luar antarabangsa*. Bentong: PTS Publication &Distributors Sdn.Bhd.
- Awang Sariyan. 2007. *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gallop, Annabel. T. 1994. *Warisan Warkah Melayu*. London: The British Library.
- Hashim Musa. 2008. *Hati budi Melayu: Pengukuhan menghadapi cabaran abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Henderson, C.W. 1998. *International Relation: Conflict and cooperation at the turn of the 21st Century*. Boston: McGraw-Hill.
- Johari Yaman. 2014. *Mengenali Rasulullah*. Selangor: Nadi Minda Resources.
- Kramsch, C. 1998. *Language and culture*. Oxford: Oxford University Press.
- La Niampe. 1996. Surat-surat Kerajaan Buton dari Abad XVII-XIX (Aspek kebahasaan dan komponen surat). *Jurnal Filologi Melayu*, 5, 93-98.
- Mahfuzah Yusuf. 1994. Warisan warkah Melayu. *Dewan Budaya*, Oktober: 52-53.
- Mokhtar Muhammad. 2005. *Perhubungan antarabangsa: Konsep dan konteks*. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim. 1994. Unsur kepersisan dalam bahasa Melayu lama. *Dewan Bahasa*, Mac: 196-205.
- Norazlina Mohd Kiram. 2007. Konsep malu dalam masyarakat Melayu: Luar biasa dan tersendiri. Dlm *cendekia kumpulan esei bahasa, sastera dan budaya Melayu*. Serdang: Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra

- Malaysia.
- Shaharuddin Abd Aziz. 2006. *Mengaplikasi teori psikologi dalam sukan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Siti Mariani S.M Omar. 2001. *Warkah Raja-Raja Melayu di Pusat Manuskrip Melayu*. Kertas Kerja dalam Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu. Hotel Quality, Kuala Lumpur. 2-5 Julai.
- T.A. Ridwan. 2001. Bahasa Melayu: Peranan dan nilai-nilai moralisme di dalamnya. Dlm Yaacob Harun (Pnyt.), *Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Valentijn, F. 1884. Description of Malacca. *JSBRAS*, 13, 49-74.
- Wang Yong Boa (Ahmed Musa). 2009. *Diplomacy: Theory and practice in Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa.
- Zali Puncak Alam. 2009. “Cross cultural management” (Atas talian). Muat turun 11 februari 2015, dari <http://razalitumirin-zali.blogspot.com/2009/03/cross-cultural-management.html>
- t.p.. (Atas talian). Muat turun 11 Februari 2015, dari <http://malaysiana.pnm.my>.

Biodata Penulis:

Salmah Jan Noor Muhammad

Penulis merupakan Pensyarah Kanan Kesusastraan Melayu tradisional di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Kajian beliau mengkhusus dalam bidang ilmu diplomatik Melayu, filologi dan kajian manuskrip Melayu, kesusastraan ketatanegaraan dan undang-undang, epik dan historiografi Melayu.